

Ikut ketetapan bekerja dari rumah



Putrajaya: Ketua jabatan boleh menetapkan kaedah pemantauan masing-masing dalam memastikan serta menyemak keberadaan pegawai di pejabat, rumah atau mana-mana lokasi yang diarahkan ketika pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB).

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Tan Sri Mohd Khairul Adib Abd Rahman (*gambar*) berkata, pegawai yang diarahkan bekerja dari rumah (BDR) mesti mematuhi arahan peraturan BDR dan tindakan tata terbit boleh diambil jika didapati melanggar sebarang ketetapan kerana ingkar perintah.

"Mereka yang diarahkan atau dibenarkan untuk BDR

perlu sentiasa berada di rumah dalam tempoh waktu bekerja yang ditetapkan oleh kerajaan, sentiasa bersedia sekiranya diarah oleh ketua jabatan untuk hadir ke pejabat atau mana-mana lokasi lain dan memastikan sentiasa boleh dihubungi dalam tempoh waktu bekerja.

"Pegawai yang diarahkan BDR dan didapati melanggar ketetapan yang dinyatakan, ketua jabatan boleh mengambil tindakan tatatertib ke atas mereka kerana ingkar perintah selaras dengan Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tata tertib) 1993 (P.U.(A) 395/1993)," katanya dalam surat edaran peringatan mengenai pematuhan peraturan semasa BDR, semalam.

Beliau juga menegaskan

mana-mana pegawai yang melanggar peraturan atau undang-undang dan dikenakan hukuman oleh mahkamah atau dikenakan kompaun oleh pihak berkuasa kerana melanggar Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), tindakan tatatertib boleh juga diambil ke atas mereka kerana mencemarkan nama perkhidmatan awam.

Satu surat edaran berhubung Arahan Kehadiran Bertugas Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan Di Selangor, Sabah, Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan Semasa PKPB dikeluarkan pada 21 Oktober yang bertujuan mendukung usaha kerajaan membendung penularan wabak Covid-19 dengan memastikan pergerakan yang minimum di kawasan PKPB.